



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES MALAYSIA)
WISMA TANI
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA

Telefon: 03-88701373/1378

Telefax: 03-8888 6906

E-mail: pro@mafi.gov.my Homepage: <http://www.mafi.gov.my>

SIARAN MEDIA

TRADISI DITERUSKAN, SEKURITI MAKANAN DIKEKALKAN

PUTRAJAYA, 20 APRIL -- Biar pun berhadapan dengan cabaran penularan pandemik COVID-19, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) meneruskan tradisi pengagihan Bubur Lambuk sempena Ramadan, dalam norma baharu.

Diketuai oleh Menteri, Datuk Seri Ronald Kiandee, agihan Bubur Lambuk disempurnakan di pekarangan Wisma Tani, hari ini.

Dalam pada itu Ronald turut menegaskan yang kementerianya akan terus komited dalam memastikan bekalan makanan stabil dan mencukupi untuk sepanjang bulan Ramadan dan terutamanya menjelang persiapan bagi menyambut Hari Raya pada Mei depan.

Mengulas mengenai bekalan makanan pada Ramadan ini, Ronald menyatakan bahawa stok bekalan makanan yang menjadi keperluan asas rakyat seperti beras, telur, daging, ayam, buah-buahan dan sayuran adalah berada pada paras stabil dan mencukupi.

Menurut Ronald lagi Program Pengagihan Bubur Lambuk yang dianjurkan pada setiap tahun ini merupakan satu amalan tradisi yang amat signifikan kerana ianya melambangkan perpaduan dan kesepakatan, dimana makanan menyatukan rakyat Malaysia walaupun berbeza bangsa, budaya dan agama.

Bagi merealisasikan program ini MAFI berkerjasama bersama Jabatan dan Agensi dibawahnya seperti Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Hadir sama YB Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Dato' Haji Che Abdullah Mat Nawati, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI serta Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi dan Pegawai-Pegawai Kanan MAFI.

**DISEDIAKAN OLEH:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
20 APRIL 2021**

